



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2019



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

## ISI KANDUNGAN

- SAYANGI WILAYAHKU TEMA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

3

- FIESTA BELON UDARA PANAS PUTRAJAYA 28 HINGGA 31 MAC

4

- PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA 2019

5

- SEKOLAH SAS JUARA PUTRAJAYA WIND ORCHESTRA COMPETITION 2019

6

## PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

**[ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)**

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

**[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)**

**[Facebook/putrajaya](#)**

**[Twitter@putrajayacorp](#)**

**[Youtube/perbadananputrajaya](#)**

**[Instagram/perbadananputrajaya](#)**

# Sayangi Wilayahku Tema Hari Wilayah Persekutuan 2019

TANGGAL 1 Februari setiap tahun merupakan tarikh istimewa bagi setiap warga Wilayah Persekutuan. Pada tarikh ini mereka meraikan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Tahun ini merupakan sambutan ke-15 gabungan ketiga-tiga wilayah sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada 27 Mac 2004.

Bandar raya Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, Labuan 16 April 1984 dan Putrajaya pula pada 1 Februari 2001.

'Sayangi Wilayahku' merupakan tema sambutan pada kali ini yang membawa maksud cukup besar bagi warga Wilayah Persekutuan dengan kedudukan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, pemilihan tema seiring dengan integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 21 program dianjurkan oleh kementerian dan agensinya sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. Ia merangkumi lima kluster utama iaitu Pengiktirafan, Mesra Rakyat, Sukan dan Rekreasi, Ilmiah dan Keharmonian dan Inisiatif Mensejahterakan Rakyat.

Diharap sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ini akan memupuk lebih lagi rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan. Dengan tema Sayangi Wilayahku pada tahun ini dapat menambah rasa sayang dan cinta



kepada Wilayah Persekutuan serta dapat mengukuhkan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan sekali gus bersama-sama memajukan lagi Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan bersama.

Seiring dengan peredaran masa dan pelbagai usaha dilakukan kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, ketiga-tiga wilayah tersebut terus berkembang pesat sebagai pusat kewangan dan pelancongan serantau dan antarabangsa.

Dalam usaha memastikan tiga wilayah persekutuan ini terus maju, KWP sebagai kementerian bertanggungjawab juga telah melancarkan wawasan dinamakan "Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi."

Wawasan itu merupakan rangka kerja dan dasar yang akan dilaksanakan untuk Wilayah Persekutuan sepanjang tahun 2019. Wawasan tersebut mempunyai enam paksi utama iaitu Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan Awam Efisien, Sosio Ekonomi Mampan, Persekutaran Hijau dan Komuniti Inklusif.

Ini merupakan paksi-paksi yang akan diusahakan untuk menentukan bahawa harapan warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan tercapai.

# Fiesta Belon Udara Panas Putrajaya

## 28 hingga 31 Mac

**B**elon udara panas berbentuk badut, sotong, robot dan gajah ialah antara tarikan pada Fiesta Belon Udara Panas Putrajaya Ke-10 yang berlangsung di Presint 2, Putrajaya dari 28 hingga 31 Mac 2019.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata, lebih 20 belon udara panas dikendalikan oleh juruterbang antarabangsa dari 14 negara sepanjang fiesta berlangsung.

Antara negara yang menyertai fiesta ini ialah Sepanyol, Slovakia, Brazil, Australia, Jepun, Belgium, Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea Selatan dan Taiwan. Selain itu, belon iglu bercahaya yang direka menggunakan bahan kitar semula seperti belon udara panas terpakai, akan turut ditampilkan sebagai tarikan terbaharu dan diletakkan di zon merah jambu dari jam 7 petang hingga 10 malam.

Fiesta Belon Panas ini menjadi platform membuktikan bahawa Putrajaya bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran kerajaan tetapi juga sebagai salah satu destinasi pelancongan negara.

Pengunjung bukan saja dapat melihat belon udara panas yang dihiasi dengan pelbagai warna, malah boleh menyaksikan keindahan di Putrajaya.

Fiesta belon udara panas ini adalah salah satu acara utama disenaraikan dalam Kalendar Acara Perbadanan Putrajaya 2019 dan ia akan menjadi acara tahunan.

Fiesta Belon Udara Panas Putrajaya juga turut mengembalikan acara 'night glow' yang mana belon udara panas dinyalakan secara serentak mengikut irungan muzik dan pertunjukan bunga api.

Pelbagai kegiatan dianjurkan sempena fiesta terbabit, dengan harga tiket bermula dari RM15 hingga RM300, bergantung kepada acara yang ingin disertai.

Tiket bagi semua acara berkenaan boleh dibeli secara dalam talian di <https://www.myballoonfiesta.com>.



# Pertandingan Memancing Putrajaya 2019

Dengan bermodalkan hanya kira-kira RM50, tetapi memperoleh hadiah bernilai RM7,000. Itu merupakan rezeki buat seorang peserta, Mohd Hazari Ramlan, 33, yang diumumkan juara pada Pertandingan Memancing Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 yang berlangsung di tasik Presint 1, Putrajaya.

Peserta tersebut berjaya memperolehi tempat pertama pada pertandingan memancing Putrajaya 2019 selepas berjaya menaikkan ikan temoleh seberat 7.1 kilogram (kg) tepat jam 10.08 pagi.

Walaupun beliau tiba di tempat memancing agak lewat kira-kira jam 8.30 pagi kerana tersesat mencari lokasi dan sebaik sampai, peserta lain sudah pun memancing. Dengan tangkapan pertama yang merupakan ikan temoleh dan berjaya dinaikkan pada jam 10.08 pagi yang merupakan ikan terberat pada pertandingan tersebut seterusnya diumumkan sebagai juara.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Mohd Azrul Jamaludin, 37, selepas berjaya menaikkan ikan temoleh seberat 3.2 kg sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000. Seterusnya tempat ketiga dimenangi oleh Raziff Razab, 37, yang menaikkan ikan tenggalan seberat 3.2 kg serta membawa hadiah berbentuk wang tunai RM3,000.

Majlis penyampaian hadiah Pertandingan Memancing Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad.

Pertandingan Memancing Putrajaya adalah acara tahunan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dan disertai kira-kira 1,800 kaki pancing dari seluruh negara.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata program ini berdasarkan konsep 'Tangkap dan Lepas Mesra Alam' untuk beberapa spesies ikan yang terpilih masih dikekalkan bagi memastikan proses perkembangan ikan tersebut tidak terancam di samping memelihara ekosistem Tasik Putrajaya.

Pertandingan yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 bukan sahaja memberi peluang kepada kaki pancing dari seluruh negara tetapi juga mengeratkan silaturahim selain menjalani kehidupan harian yang sihat, katanya



# Sekolah SAS juara putrajaya Wind Orchestra Competition 2019



Persembahan memukau kumpulan Orkestra Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Putrajaya melayakkan mereka dinobatkan sebagai juara Putrajaya Wind Orchestra 2019 yang berlangsung di Auditorium Cempaka Sari, di sini hari ini.

Dalam pertandingan yang dihadiri isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali itu, SAS yang mempersembahkan dua buah lagu, Symphonic Dance No 3 Fiesta dan Jong Jong Inai, menewaskan empat lagi sekolah untuk membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 berserta piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Kumpulan orkestra Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh yang mempersembahkan lagu Diogenes dan Seringgit Dua Kupang, pula mendapat tempat kedua, sekali gus memenangi wang tunai RM3,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

